



PEKELILING NAIB CANSOLOR BIL. 7/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN/HOSPITAL PENGAJAR  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**COVID-19: PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS SECARA FIZIKAL DAN PENGENDALIAN MINGGU MESRA MAHASISWA SERTA AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PDP) SECARA HIBRID BAGI SEMESTER 1, SESI 2020/2021**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) amat prihatin dengan situasi semasa dan memandang serius peningkatan kadar jangkitan kes baharu COVID-19 di negara kita. Memandangkan potensi risiko penularan wabak jangkitan yang semakin meningkat, pihak pengurusan Universiti mengambil langkah proaktif untuk **MENANGGUHKAN SEMENTARA** kehadiran pelajar secara fizikal ke Kampus UKM bagi kategori berikut:

- 2.1 **semua pelajar** (baharu dan lama) dari **Negeri Sabah** bagi **Semester 1, Sesi 2020/2021**; dan
- 2.2 pelajar dari mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai **ZON MERAH** dan yang berada di bawah **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB)**.

3. Semua pelajar yang tertakluk dengan arahan tersebut adalah dibenarkan mengikuti kursus secara dalam talian / *online learning* yang dilaksanakan secara hibrid sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan berasaskan perkembangan terkini COVID-19 dari semasa ke semasa.

4. Selain itu, Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) untuk pelajar baharu yang tertakluk dengan arahan ini akan dijalankan secara dalam talian dan pelajar hendaklah mengikuti program yang diaturkan oleh pihak kolej dan fakulti secara hibrid.

5. Bagi mana-mana pelajar dari Negeri Sabah yang telahpun berada di Semenanjung Malaysia melebihi tempoh 14 hari dari tarikh ketibaan di Semenanjung Malaysia adalah dibenarkan hadir secara fizikal ke Kampus tertakluk kepada pembuktian yang dikemukakan kepada pihak Hal-ehwal Pelajar yang menguruskan pendaftaran di Kolej Kediaman masing-masing.

6. Pihak pengurusan Universiti juga sedar terdapat beberapa kategori pelajar yang terkesan akibat daripada arahan ini terutama yang melibatkan keperluan akademik tertentu. Sehubungan itu, Dekan Fakulti atau Pengarah Institut/Pusat boleh mengemukakan permohonan **pengecualian khas** bagi kategori pelajar tersebut kepada Pusat Pengurusan Akademik (Akademik-UKM) selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum pelajar dijangka tiba ke Kampus. Permohonan ini hanyalah untuk pelajar dari Negeri Sabah dari Zon Hijau dan Zon Kuning sahaja. Setiap permohonan akan dinilai sebelum diberi kebenaran untuk hadir secara fizikal. Bagi mana-mana permohonan yang diluluskan, pelajar tersebut adalah **WAJIB** menjalani tempoh kuarantin di fasiliti yang dikhaskan oleh pihak UKM selama 14 hari sebaik tiba di Kampus sebelum dibenarkan mengikuti pengajian secara fizikal.

7. Sekiranya pihak fakulti dan pelajar memerlukan penjelasan lanjut, pegawai berikut boleh dihubungi untuk mendapatkan pencerahan:


URUSAN	PEGAWAI DIHUBUNGI	E-MEL	NO. TELEFON
Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran	<b>Encik Mohd Azmi Mahat @ Kasim</b> Ketua Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan Akademik	azmi9542@ukm.edu.my	03-8911 8027 (Pejabat) 019-321 1294 (H/P)
Minggu Mesra Mahasiswa, Pendaftaran Kolej dan Hal-ehwal Pelajar	<b>Encik Asyraf Radzwan</b> Penolong Pendaftar Kanan Pusat Hal-ehwal Pelajar	asyraf@ukm.edu.my	03-8921 3147 (Pejabat) 012-951 0714 (HP)

8. Pekeliling ini adalah **berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan**. Pihak pengurusan Universiti akan sentiasa mengemaskini pemakluman terbaharu tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, semua warga adalah dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri masing-masing sepanjang menjalankan tugas dalam tempoh ini dan terus mengamalkan disiplin sosial yang tinggi.

Kerjasama dan perhatian semua warga Universiti dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DATO' Ir. DR. MOHD HAMD I ABD SHUKOR**  
Naib Canselor

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori



- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
  - Pendaftar
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah Pusat Kesihatan Universiti
  - Merangkap Ketua Tindakan Operasi  
b.p. Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
  - En. Muhammad Akmal Hakim bin Adnan  
Yang Di-Pertua Kesatuan Mahasiswa UKM

**PEJABAT NAIB CANSELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: [ncukm@ukm.edu.my](mailto:ncukm@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/canselori](http://www.ukm.my/canselori)

